



KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH

12 JUN 2021


A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **378 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **65,708 kes**. Lima (5) kes kematian direkodkan hari ini iaitu satu (1) kes di daerah Tawau, satu (1) kes Semporna, satu (1) kes Kota Kinabalu, satu (1) kes Lahad Datu dan satu (1) kes lagi di Putatan. Takziah diucapkan kepada keluarga terlibat.

- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembah 210 menjadikan jumlah kumulatif 62,517 orang. Seramai 1,996 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 524 orang di hospital dan 1,472 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 98 orang dan 39 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3

Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Sipitang bertukar dari zon kuning ke zon jingga manakala Telupid berubah dari zon jingga ke zon merah.

4

Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 17 daerah
- Zon Jingga lima (5) daerah
- Zon Kuning empat (4) daerah
- Zon Hijau satu (1) daerah

- i Pada hari ini, jumlah kes positif COVID-19 di Sabah mencatatkan peningkatan sebanyak 69 kes iaitu daripada 309 kes kelmarin (11 Jun 2021) kepada 378 kes (12 Jun 2021).
- ii Daripada 378 kes jangkitan baharu hari ini, 167 kes adalah hasil daripada saringan kontak rapat, 130 kes adalah daripada saringan kluster, 31 kes adalah daripada saringan bergejala, 36 kes daripada saringan bersasar dan 14 kes adalah daripada lain-lain kes.
- iii 12 daerah mencatatkan peningkatan kes hari ini dengan tujuh (7) daerah mencatatkan peningkatan kes pada julat satu (1) angka, manakala lima (5) lagi daerah lain mencatatkan peningkatan kes pada julat dua (2) angka iaitu Kudat 75 kes (+48), Papar 58 kes (+39), Sandakan 38 kes (+28) , Telupid 15 kes (+14) dan Sipitang 13 kes (+11). Daerah Kota Kinabalu kekal catatan kes baharu sebagaimana hari kelmarin iaitu dengan 32 kes.
- iv Walau bagaimanapun, sembilan (9) daerah di Negeri Sabah mencatatkan penurunan kes. Lima (5) daerah mencapai penurunan kes dengan julat satu (1) angka, manakala empat (4) daerah lagi menunjukkan penurunan pada julat dua (2) angka iaitu Kinabatangan (-26), Tawau (-16), Putatan (-15) dan Lahad Datu (-10).
- v Pada hari ini, sembilan (9) daerah mencatatkan sifar (0) kes iaitu Beluran, Kinabatangan, Tongod, Pitas, Kota Marudu, Ranau, Kuala Penyu, Tenom dan Tambunan.
- vi Peningkatan ketara kes baharu sungguhpun daerah yang mencatatkan sifar (0) kes dan penurunan kes meningkat berbanding kelmarin adalah disebabkan berlakunya aktiviti saringan bersasar yang diperhebat di lokaliti yang dikenakan PKPD. Namun begitu, perubahan angka harian yang tidak statik bagi daerah-daerah bukan Zon Hijau, selain pengecilan jumlah daerah Zon Hijau di Negeri Sabah menandakan kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidapatuhan kepada SOP yang telah digariskan.

vii Orang ramai digesa untuk kekal berada di rumah dan bagi mereka yang bekerja, hadkan pergerakan kerana kebergantungan penurunan kes atau jangkitan baharu adalah sangat dipengaruhi oleh sejauh mana komuniti mematuhi SOP Kendiri dan SOP yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri.

6

Terdapat **tiga (3) kluster baharu** direkodkan hari ini.

- i **Kluster Ambar Park - Tawau** direkodkan di Mukim Sri Tanjung di daerah Tawau melalui saringan *Brought In Dead* (BID) terhadap kluster indeks iaitu warganegara, lelaki, 71, yang disahkan positif ujian RTK-Ag 100% pada 1 Jun 2021. Susulan kes itu, 45 kontak rapat telah disaring dan mengesan 15 lagi kes positif COVID-19 yang turut melibatkan kes jangkitan kontak keluarga generasi kedua, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 16 kes. Manakala, 28 kontak didapati negatif dan seorang (1) kontak masih menunggu keputusan ujian. Berdasarkan maklumat, dianggarkan lebih 50 ahli keluarga dan kontak sosial telah menziarahi kes indeks untuk majlis doa selamat di rumah kes indeks, di Kg Kadazan, Ambar Park. Pengesahan kontak rapat masih giat dijalankan dan punca jangkitan masih dalam siasatan.
- ii **Kluster Indah - Nabawan** berkaitan majlis pertunangan di Kampung Indah, Nabawan pada 20 Mei 2021, malah penularan wabak COVID-19 dalam kluster ini melibatkan generasi kedua. Kes indeks merupakan warganegara, wanita, 34, yang dikesan positif melalui saringan prarawatan pada 22 Mei 2021, namun tidak menunjukkan sebarang gejala. Hasil pengesahan secara aktif dan saringan terhadap 124 kontak menemukan 20 lagi kes positif dan merekodkan jumlah kumulatif sebanyak 21 kes. Daripada jumlah yang disaring, 100 individu didapati negatif saringan pertama dan tiga (3) individu masih menunggu keputusan ujian saringan. Semua kes positif telah dirujuk ke hospital untuk rawatan lanjut dan pengasingan di PKRC Keningau. Manakala, kontak rapat pula telah diarahkan kuarantine. Berdasarkan penelitian, kes indeks berkemungkinan mendapat jangkitan daripada komuniti .

iii **Kluster Kg Baru - Sipitang** melibatkan jangkitan dalam komuniti di Mukim Sindumin daerah Sipitang. Kes indeks adalah warganegara, lelaki, 58, disahkan positif (RTK Antigen 100%) pada 26 Mei 2021, selepas dikesan sebagai kontak rapat kepada anak buahnya. Kes indeks juga mengalami simptom batuk, sakit kepala dan *malaise* sejak 23 Mei 2021 serta mempunyai sejarah pergerakan ke luar daerah iaitu ke Keningau pada 16 Mei 2021. Hasil pengesanan dan saringan kontak yang melibatkan kaitan epidemiologi sama iaitu menghadiri rumah ibadat di SFI, 23 kes positif COVID-19 dicatat termasuk penambahan 13 kes baharu pada hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 4,163 unit

- Hospital 692 unit
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 3,051 unit
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 420 unit.

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 47.95%

B PENINGKATAN KES DISEBABKAN SARINGAN BERSASAR SECARA HOUSE TO HOUSE DI LOKALITI PKPD

- 1 Catatan kes positif COVID-19 yang agak tinggi pada hari ini adalah disebabkan langkah memperhebat Saringan Bersasar secara "*House To House*" dan tidak hanya tertumpu kepada Saringan Kontak Rapat oleh pihak KKM di lokaliti-lokaliti yang dikenakan PKPD.
- 2 Oleh yang demikian, angka kes positif COVID-19 dijangka akan melonjak tinggi dalam beberapa hari sehingga gerakan saringan secara besar-besaran selesai dijalankan.
- 3 Sebagai makluman tambahan, catatan kes hari ini berjumlah 378 kes adalah kurang daripada jangkaan awal berikutan pelbagai langkah yang telah dibuat seperti memperketatkan larangan rentas daerah, melakukan kajian bersasar lokaliti-lokaliti untuk dikenakan PKPD, seterusnya penyediaan SOP sebagai garis panduan.

C PKPD KAMPUNG INDAH, NABAWAN

- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Kampung Indah, Nabawan.
- 2 Sehingga kini, berlaku peningkatan kes dalam tempoh seminggu apabila sebanyak sembilan (9) kes positif COVID-19 telah dilaporkan hasil daripada 31 ujian saringan yang dilakukan oleh KKM.
- 3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Indah, Nabawan berkuat kuasa 14 Jun sehingga 27 Jun 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**
- 4 Pelaksanaan PKPD ini untuk menyekat pergerakan dan penularan jangkitan COVID-19 dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut.

D PKPD 2 LOKALITI DI TAWAU

- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 melibatkan dua (2) lokaliti di Tawau iaitu:
 - Taman Kinabutan Ria
 - Simpang Inderasabah
- 2 Sehingga kini, sebanyak sembilan (9) kes positif daripada 17 yang disaring telah direkodkan di Taman Kinabutan Ria manakala di Simpang Inderasabah, 12 disaring dan 11 daripadanya didapati positif COVID-19.
- 3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di dua lokaliti seperti dinyatakan berkuat kuasa 14 Jun sehingga 27 Jun 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**

- 4 Pelaksanaan PKPD ini untuk memutuskan rantai jangkitan dengan menghalang pergerakan masuk individu luar ke dalam kawasan ini.

E PKPD KAMPUNG MANGGIS, KUALA PENYU

- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Kampung Manggis, Kuala Penyu.
- 2 Berlaku peningkatan kes dalam tempoh seminggu apabila sebanyak tujuh (7) kes positif COVID-19 telah dilaporkan hasil daripada 11 ujian saringan yang dilakukan oleh KKM.
- 3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Manggis, Kuala Penyu, berkuat kuasa 14 Jun sehingga 27 Jun 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**
- 4 Pelaksanaan PKPD ini untuk menyekat pergerakan dan penularan jangkitan COVID-19 dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut.

F PKPD KAMPUNG BARU (SFI), SIPITANG

- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Kampung Baru (SFI), Sipitang, Sabah.
- 2 Sehingga kini, sebanyak 29 kes positif COVID-19 telah dilaporkan hasil daripada 46 ujian saringan yang dilakukan oleh KKM.
- 3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Baru (SFI), Sipitang, Sabah berkuat kuasa 14 Jun sehingga 27 Jun 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**
- 4 Pelaksanaan PKPD ini untuk menyekat pergerakan dan penularan jangkitan COVID-19 dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut.

G PKPD 2 LOKALITI DI KOTA BELUD

- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di dua (2) lokaliti di Kota Belud, yang melibatkan:
 - Kampung Tawadakan
 - Kampung Kota Bungan
- 2 KKM mendapati berlaku peningkatan kes apabila sebanyak 12 kes telah dikesan dengan kadar kebolehjangkitan yang tinggi di kedua-dua lokaliti ini.
- 3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di dua lokaliti seperti dinyatakan berkuat kuasa 14 Jun sehingga 27 Jun 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**
- 4 Pelaksanaan PKPD ini untuk menyekat pergerakan dan penularan jangkitan COVID-19 dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut.

H PENAMATAN PKPD KAMPUNG PADAWAN, PAPAR

- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Padawan, Papar yang dijadualkan tamat pada 13 Jun 2021.
- 2 Sehingga kini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 267 ujian saringan dan 10 daripadanya disahkan positif COVID-19.
- 3 KKM juga mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.
- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan Negeri bersetuju menamatkan PKPD di Kampung Padawan, Papar pada 13 Jun 2021 (jam 11.59 malam), seperti yang dijadualkan selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.

I PENAMATAN PKPD FELDA SAHABAT 40 (KG KEMBARA SAKTI), TUNGKU, LAHAD DATU

- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di FELDA Sahabat 40 (Kg Kembara Sakti), Tungku, Lahad Datu yang dijadualkan tamat pada 13 Jun 2021.
- 2 Sehingga kini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 48 ujian saringan dan lima (5) daripadanya disahkan positif COVID-19.
- 3 KKM juga mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.
- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di FELDA Sahabat 40 (Kg Kembara Sakti), Tungku, Lahad Datu pada 13 Jun 2021 (jam 11.59 malam), seperti yang dijadualkan selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.

J SOP PKPD DI 2 LOKALITI DAERAH KUDAT

SOP Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di 2 Lokaliti Daerah Kudat adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

K SOP PKPD PERUMAHAN KILANG, LADANG ONG YAH HOO, KINABATANGAN

SOP Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Perumahan Kilang, Ladang Ong Yah Hoo, Kinabatangan adalah seperti di **LAMPIRAN B**.

L STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Setakat hari ini, **enam (6)** suntikan baharu dibuat bagi Fasa 1 Dos 1 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **60,140** orang.
- 2 Bagi Fasa 1 Dos 2 pula, **tiada** suntikan baharu dibuat pada hari ini menjadikan jumlah kumulatif kekal sebanyak **53,186** orang.

- 3 Manakala, bagi Fasa 2 Dos 1 PICK, **10,074** suntikan baharu dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **160,518** orang.
- 4 Bagi Dos 2 Fasa 2, **3,124** suntikan baharu harian dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **47,375** orang.
- 5 Pendaftaran penerima vaksin pada hari ini ialah 62,629 menjadikan jumlah kumulatif yang mendaftar sebanyak 668,636 (mysejahtera 610,736 : laman web 66,675 : talian vaksinasi 225) bersamaan 22.8%.

M BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)

Setakat hari ini, sejumlah **351,493** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 2.0.

N LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 148 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 60,902 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 464 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 71 hebah melalui kereta peronda dengan dua (2) tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 77 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
 - 31 orang : Tidak memakai pelitup muka/Tidak memakai pelitup separuh muka dengan betul.
 - Dua (2) orang : Gagal menyediakan peralatan/merekod butiran pelanggan.
 - Satu (1) orang : Premis beroperasi lebih masa tanpa kebenaran.
 - Sembilan (9) orang : Individu gagal mendaftar masuk premis.
 - 17 orang : Membawa penumpang berlebihan.
 - 17 orang : Keluar rumah tanpa alasan munasabah.

- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 120 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 24 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan, satu (1) tangkapan dibuat di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.
- 4 Laporan Kompaun Pihak Berkuasa Tempatan
- i Sebanyak 787 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan.
 - ii Tiga (3) kompaun telah dikeluarkan atas kesalahan gagal mendaftar masuk premis menggunakan MySejahtera/Buku Pendaftaran. Kompaun dikeluarkan di daerah Keningau oleh Majlis Daerah Keningau
 - iii Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menjalankan penguatkuasaan pematuhan SOP ke atas 69 premis perniagaan dan 100 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun dikenakan kepada individu dan premis.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 382 lokasi melibatkan seramai 195 anggota APM.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 70 anggota di 93 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 12 premis, melibatkan tujuh (7) buah daerah pada hari ini.
- 8 Sejumlah 232 hebahan awam dibawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di 11 daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 117 hebahan di seluruh Sabah.

O **KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) 3.0**

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKP 3.0 pada hari ini ialah **93.4%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Sipitang	94%
2	Beluran	94%
3	Kunak	94%
4	Kota Marudu	94%
5	Tenom	94%
6	Sandakan	94%
7	Tawau	93.5%
8	Kinabatangan	93.5%
9	Ranau	93.5%
10	Semporna	93%
11	Keningau	93%
12	Kudat	93%
13	Lahad Datu	93%
14	Kota Belud	93%
15	Papar	93%
16	Kota Kinabalu	93%
17	Tuaran	93%
18	Beaufort	93%
19	Penampang	93%

- 2 Ayuh, segera daftarkan diri anda untuk menerima vaksin COVID-19 melalui MySejahtera.

Sekian.

#LindungDiriLindungSemua

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**

LAMPIRAN A

Dikemaskini pada 10 Jun 2021

 SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI 2 LOKALITI DAERAH KUDAT, SABAH	<p>Aktiviti dibenarkan</p> <ul style="list-style-type: none"> Mendapatkan bekalan makanan. Mendapatkan rawatan kesihatan. <p>Aktiviti tidak dibenarkan</p> <ul style="list-style-type: none"> Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan. Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan. <p>Arahan tetap</p> <ul style="list-style-type: none"> Subseksyen 11 (3) Akta 342 Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM. Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT. Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan. 								
AKTIVITI DAN PROTOKOL									
<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="width: 50%;">Tindakan</th> <th style="width: 50%;">Penerangan Ringkas</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="background-color: #f2f2f2; padding: 5px;">Kawasan yang Terlibat</td> <td style="padding: 5px;"> <ul style="list-style-type: none"> • Seluruh Kawasan 2 Lokaliti Daerah Kudat, Sabah iaitu: <ul style="list-style-type: none"> i. Kg. Singgahmata, Pulau Banggi; dan ii. Kg. Sin San. </td> </tr> <tr> <td style="background-color: #f2f2f2; padding: 5px;">Tempoh Berkuatkuasa</td> <td style="padding: 5px;"> <ul style="list-style-type: none"> • 11 Jun 2021 (mulai 12.00 pagi) sehingga 24 Jun 2021 (11.59 malam) </td> </tr> <tr> <td style="background-color: #f2f2f2; padding: 5px;">Kawalan Pergerakan</td> <td style="padding: 5px;"> <ul style="list-style-type: none"> • PDRM bertanggungjawab melaksanakan kawalan ke atas kawasan tempatan jangkitan dengan bantuan ATM, APMM, APM & RELA. • Semua laluan keluar masuk kawasan PKPD ditutup. </td> </tr> </tbody> </table>		Tindakan	Penerangan Ringkas	Kawasan yang Terlibat	<ul style="list-style-type: none"> • Seluruh Kawasan 2 Lokaliti Daerah Kudat, Sabah iaitu: <ul style="list-style-type: none"> i. Kg. Singgahmata, Pulau Banggi; dan ii. Kg. Sin San. 	Tempoh Berkuatkuasa	<ul style="list-style-type: none"> • 11 Jun 2021 (mulai 12.00 pagi) sehingga 24 Jun 2021 (11.59 malam) 	Kawalan Pergerakan	<ul style="list-style-type: none"> • PDRM bertanggungjawab melaksanakan kawalan ke atas kawasan tempatan jangkitan dengan bantuan ATM, APMM, APM & RELA. • Semua laluan keluar masuk kawasan PKPD ditutup.
Tindakan	Penerangan Ringkas								
Kawasan yang Terlibat	<ul style="list-style-type: none"> • Seluruh Kawasan 2 Lokaliti Daerah Kudat, Sabah iaitu: <ul style="list-style-type: none"> i. Kg. Singgahmata, Pulau Banggi; dan ii. Kg. Sin San. 								
Tempoh Berkuatkuasa	<ul style="list-style-type: none"> • 11 Jun 2021 (mulai 12.00 pagi) sehingga 24 Jun 2021 (11.59 malam) 								
Kawalan Pergerakan	<ul style="list-style-type: none"> • PDRM bertanggungjawab melaksanakan kawalan ke atas kawasan tempatan jangkitan dengan bantuan ATM, APMM, APM & RELA. • Semua laluan keluar masuk kawasan PKPD ditutup. 								

1

Dikemaskini pada 10 Jun 2021

 SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI 2 LOKALITI DAERAH KUDAT, SABAH	<p>Aktiviti dibenarkan</p> <ul style="list-style-type: none"> Mendapatkan bekalan makanan. Mendapatkan rawatan kesihatan. <p>Aktiviti tidak dibenarkan</p> <ul style="list-style-type: none"> Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan. Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan. <p>Arahan tetap</p> <ul style="list-style-type: none"> Subseksyen 11 (3) Akta 342 Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM. Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT. Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan. 															
AKTIVITI DAN PROTOKOL																
<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="width: 50%;">Tindakan</th> <th style="width: 50%;">Penerangan Ringkas</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="background-color: #f2f2f2; padding: 5px;">Aktiviti di dalam Kawasan PKPD</td> <td style="padding: 5px;"> <ul style="list-style-type: none"> • Semua penduduk di kawasan terlibat tidak dibenarkan keluar daripada rumah / kediaman masing-masing. Kebenaran untuk bekerja hanya bagi perkhidmatan perlu (<i>essential services</i>) sahaja dan menjalankan tugas rasmi Kerajaan dengan surat pengesahan daripada majikan atau pas pekerja yang sah serta mendapat kelulusan dari PDRM. • Pengecualian hanya diberikan kepada seorang (1) wakil dari setiap rumah/kediaman untuk membeli barang keperluan di kedai runcit dalam kawasan PKPD. • Semua sektor ekonomi tidak dibenarkan beroperasi kecuali: </td> </tr> <tr> <td colspan="2" style="text-align: center; padding: 5px;"> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="width: 15%;">Bil.</th> <th style="width: 50%;">Premis Perniagaan</th> <th style="width: 35%;">Masa Beroperasi</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">1.</td> <td>Kedai Runcit / Mini Market</td> <td>6.00 pagi hingga 6.00 petang</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">2.</td> <td>Pasar / Pasar bergerak</td> <td>6.00 pagi hingga 2.00 petang Dua (2) kali seminggu sahaja</td> </tr> </tbody> </table> </td> </tr> </tbody> </table>		Tindakan	Penerangan Ringkas	Aktiviti di dalam Kawasan PKPD	<ul style="list-style-type: none"> • Semua penduduk di kawasan terlibat tidak dibenarkan keluar daripada rumah / kediaman masing-masing. Kebenaran untuk bekerja hanya bagi perkhidmatan perlu (<i>essential services</i>) sahaja dan menjalankan tugas rasmi Kerajaan dengan surat pengesahan daripada majikan atau pas pekerja yang sah serta mendapat kelulusan dari PDRM. • Pengecualian hanya diberikan kepada seorang (1) wakil dari setiap rumah/kediaman untuk membeli barang keperluan di kedai runcit dalam kawasan PKPD. • Semua sektor ekonomi tidak dibenarkan beroperasi kecuali: 	<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="width: 15%;">Bil.</th> <th style="width: 50%;">Premis Perniagaan</th> <th style="width: 35%;">Masa Beroperasi</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">1.</td> <td>Kedai Runcit / Mini Market</td> <td>6.00 pagi hingga 6.00 petang</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">2.</td> <td>Pasar / Pasar bergerak</td> <td>6.00 pagi hingga 2.00 petang Dua (2) kali seminggu sahaja</td> </tr> </tbody> </table>		Bil.	Premis Perniagaan	Masa Beroperasi	1.	Kedai Runcit / Mini Market	6.00 pagi hingga 6.00 petang	2.	Pasar / Pasar bergerak	6.00 pagi hingga 2.00 petang Dua (2) kali seminggu sahaja
Tindakan	Penerangan Ringkas															
Aktiviti di dalam Kawasan PKPD	<ul style="list-style-type: none"> • Semua penduduk di kawasan terlibat tidak dibenarkan keluar daripada rumah / kediaman masing-masing. Kebenaran untuk bekerja hanya bagi perkhidmatan perlu (<i>essential services</i>) sahaja dan menjalankan tugas rasmi Kerajaan dengan surat pengesahan daripada majikan atau pas pekerja yang sah serta mendapat kelulusan dari PDRM. • Pengecualian hanya diberikan kepada seorang (1) wakil dari setiap rumah/kediaman untuk membeli barang keperluan di kedai runcit dalam kawasan PKPD. • Semua sektor ekonomi tidak dibenarkan beroperasi kecuali: 															
<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="width: 15%;">Bil.</th> <th style="width: 50%;">Premis Perniagaan</th> <th style="width: 35%;">Masa Beroperasi</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">1.</td> <td>Kedai Runcit / Mini Market</td> <td>6.00 pagi hingga 6.00 petang</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">2.</td> <td>Pasar / Pasar bergerak</td> <td>6.00 pagi hingga 2.00 petang Dua (2) kali seminggu sahaja</td> </tr> </tbody> </table>		Bil.	Premis Perniagaan	Masa Beroperasi	1.	Kedai Runcit / Mini Market	6.00 pagi hingga 6.00 petang	2.	Pasar / Pasar bergerak	6.00 pagi hingga 2.00 petang Dua (2) kali seminggu sahaja						
Bil.	Premis Perniagaan	Masa Beroperasi														
1.	Kedai Runcit / Mini Market	6.00 pagi hingga 6.00 petang														
2.	Pasar / Pasar bergerak	6.00 pagi hingga 2.00 petang Dua (2) kali seminggu sahaja														

*Tertakluk kepada arahan semasa Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah

2



SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI 2 LOKALITI DAERAH KUDAT, SABAH

Dikemaskini pada 10 Jun 2021

Aktiviti dibenarkan

- Mendapatkan bekalan makanan.
- Mendapatkan rawatan kesihatan.

Aktiviti tidak dibenarkan

- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.

Arahan tetap

- Subseksyen 11 (3) Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT.
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

Waktu Berkuatkuasa	24 Jam	Waktu Aktiviti Dibenarkan	Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas	Pergerakan Penduduk	Dibenarkan dengan bersyarat
AKTIVITI DAN PROTOKOL					
Tindakan	Penerangan Ringkas				
Aktiviti di dalam Kawasan PKPD	<ul style="list-style-type: none">Pengecualian diberikan dengan kebenaran PDRM untuk seorang (1) wakil dari setiap rumah/kediaman untuk keluar dari kawasan PKPD khusus untuk tujuan:<ul style="list-style-type: none">a) mengeluarkan duit dari mesin2 ATM / bank; danb) membeli keperluan asas.Kekerapan kebenaran keluar akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah bersama PDRM.Bagi kes kecemasan seperti sakit dan kematian, penduduk dibenarkan untuk keluar zon tetapi perlu mendapatkan kebenaran daripada PDRM.Sebaua sekolah, masjid dan rumah ibadat lain ditutup sepanjang tempoh ini.Aktiviti sosial, rekreasi dan budaya adalah tidak dibenarkan.KKM akan melakukan saringan secara bersasar kepada semua penduduk yang terlibat.Bantuan bekalan makanan kepada yang memerlukan akan ditentukan dan diagihkan oleh Kerajaan Negeri yang akan dikoordinasi oleh Pusat Kawalan Operasi Bencana Negeri.				

LAMPIRAN B

 SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI PERUMAHAN KILANG, LADANG ONG YAH HOO, KINABATANGAN, SABAH

Dikemaskini pada 10 Jun 2021

Aktiviti dibenarkan	Waktu Berkuatkuasa	24 Jam	Waktu Aktiviti Dibenarkan	Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas	Pergerakan Penduduk	Dibenarkan dengan bersyarat
----------------------------	--------------------	--------	---------------------------	--	---------------------	-----------------------------

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Kawasan yang Terlibat	<ul style="list-style-type: none"> Seluruh Kawasan Perumahan Kilang, Ladang Ong Yah Hoo, Kinabatangan, Sabah.
Tempoh Berkuatkuasa	<ul style="list-style-type: none"> 11 Jun 2021 (mulai 12.00 pagi) sehingga 24 Jun 2021 (11.59 malam)
Kawalan Pergerakan	<ul style="list-style-type: none"> PDRM bertanggungjawab melaksanakan kawalan ke atas kawasan tempatan jangkitan dengan bantuan ATM, APMM, APM & RELA. Semua laluan keluar masuk kawasan PKPD ditutup.

1

 SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI PERUMAHAN KILANG, LADANG ONG YAH HOO, KINABATANGAN, SABAH

Dikemaskini pada 10 Jun 2021

Aktiviti dibenarkan	Waktu Berkuatkuasa	24 Jam	Waktu Aktiviti Dibenarkan	Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas	Pergerakan Penduduk	Dibenarkan dengan bersyarat
----------------------------	--------------------	--------	---------------------------	--	---------------------	-----------------------------

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas									
Aktiviti di dalam Kawasan PKPD	<ul style="list-style-type: none"> Semua penduduk di kawasan terlibat tidak dibenarkan keluar daripada rumah / kediaman masing-masing. Kebenaran untuk bekerja hanya bagi perkhidmatan perlu (<i>essential services</i>) sahaja dan menjalankan tugas rasmi Kerajaan dengan surat pengesahan daripada majikan atau pas pekerja yang sah serta mendapat kelulusan dari PDRM. Pengecualian hanya diberikan kepada seorang (1) wakil dari setiap rumah/kediaman untuk membeli barang keperluan di kedai runcit dalam kawasan PKPD. Semua sektor ekonomi tidak dibenarkan beroperasi kecuali: <table border="1"> <thead> <tr> <th>Bil.</th> <th>Premis Perniagaan</th> <th>Masa Beroperasi</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td> <td>Kedai Runcit / Mini Market</td> <td>6.00 pagi hingga 6.00 petang</td> </tr> <tr> <td>2.</td> <td>Pasar / Pasar bergerak</td> <td>6.00 pagi hingga 2.00 petang Dua (2) kali seminggu sahaja</td> </tr> </tbody> </table>	Bil.	Premis Perniagaan	Masa Beroperasi	1.	Kedai Runcit / Mini Market	6.00 pagi hingga 6.00 petang	2.	Pasar / Pasar bergerak	6.00 pagi hingga 2.00 petang Dua (2) kali seminggu sahaja
Bil.	Premis Perniagaan	Masa Beroperasi								
1.	Kedai Runcit / Mini Market	6.00 pagi hingga 6.00 petang								
2.	Pasar / Pasar bergerak	6.00 pagi hingga 2.00 petang Dua (2) kali seminggu sahaja								

*Tertakluk kepada arahan semasa Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah

2



SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI PERUMAHAN KILANG, LADANG ONG YAH HOO, KINABATANGAN, SABAH

Aktiviti dibenarkan <ul style="list-style-type: none"> Mendapatkan bekalan makanan. Mendapatkan rawatan kesihatan. Aktiviti tidak dibenarkan <ul style="list-style-type: none"> Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan. Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan. Arahan tetap <ul style="list-style-type: none"> Subseksyen 11 (3) Akta 342 Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM. Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT. Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan. 	Waktu Berkuatkuasa 24 Jam	Waktu Aktiviti Dibenarkan	Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas	Pergerakan Penduduk	Dibenarkan dengan bersyarat
AKTIVITI DAN PROTOKOL					
Tindakan	Penerangan Ringkas				
Aktiviti di dalam Kawasan PKPD	<ul style="list-style-type: none"> Pengecualian diberikan dengan kebenaran PDRM untuk seorang (1) wakil dari setiap rumah/kediaman untuk keluar dari kawasan PKPD khusus untuk tujuan: <ul style="list-style-type: none"> a) mengeluarkan duit dari mesin2 ATM / bank; dan b) membeli keperluan asas. Kekerapan kebenaran keluar akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah bersama PDRM. Bagi kes kecemasan seperti sakit dan kematian, penduduk dibenarkan untuk keluar zon tetapi perlu mendapatkan kebenaran daripada PDRM. Sebaua sekolah, masjid dan rumah ibadat lain ditutup sepanjang tempoh ini. Aktiviti sosial, rekreasi dan budaya adalah tidak dibenarkan. KKM akan melakukan saringan secara bersasar kepada semua penduduk yang terlibat. Bantuan bekalan makanan kepada yang memerlukan akan ditentukan dan diagihkan oleh Kerajaan Negeri yang akan dikoordinasikan oleh Pusat Kawalan Operasi Bencana Negeri. 				